



ANALISIS KEPENTINGAN ILMU FIQH DI SISI ULAMA HADĪTH

(A Study on the Importance of Islamic Jurisprudence Among the Scholar of *Hadith*)

Muhamad Rozaimi bin Ramle¹, Wahyu Hidayat bin Abdullah², Mohd Noor Adli bin Othman³

^{1,2}Pensyarah Kanan,

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI

³Kor Agama Angkatan Tentera

Abstract

There is claim made by some people that hadith scholars are not expert in the field of Islamic Jurisprudence. Thus, this study discusses the expertise and contribution of hadith scholars in this field. This is to prove how accurate the claim is that the hadith scholars are not expert in the Islamic Jurisprudence. This study will apply the inductive and deductive methodologies in order to analyze data collected in this study. The findings of the study indicate that there are hadith scholars having their own mazhab of fiqh. There were also hadith scholars who were appointed judges in the courts in their time. The scholars of hadith also emphasize the importance of the fiqh of hadith so as to make it part of the sciences of hadith. The conclusion of this study is that the claim stating the hadith scholars are not experts in the Islamic Jurisprudence is completely not true.

Kata Kunci: *Islamic jurisprudence, scholar of hadith.*

Article Progress

Received: 5 April 2021

Revised: 23 April 2021

Accepted: 23 May 2021

*Corresponding Author:

Muhamad Rozaimi bin Ramle.

Jabatan Pengajian Islam,
Fakulti Sains Kemanusiaan
UPSI

Email:

rozaimi@fsk.upsi.edu.my

PENDAHULUAN

Pada zaman ini, muncul sebahagian pihak yang mengatakan bahawa ulama hadith tidak seharusnya masuk campur dalam urusan fiqh dan usul al-fiqh dengan alasan mereka tidak pakar dan tidak mengambil berat dengan dua ilmu ini. Dengan itu, seharusnya seseorang Muslim tidak perlu untuk mempopularkan pandangan fiqh yang diutarakan oleh ulama hadith.

Sebaliknya kita hanya perlu mengambil fiqh hanya dari ulama fiqh. Manakala ulama hadith pula hanya boleh diambil pandangan mereka dalam status hadith sahaja. Dakwaan ini sebenarnya adalah satu dakwaan yang tidak teliti dan perlu dinilai semula. Hakikatnya sesiapa yang menelaah sejarah hidup ulama hadith silam akan dapati bahawa tidak sedikit dari mereka yang sangat berkemahiran dalam ilmu fiqh dan ilmu usul al-fiqh. Justeru, artikel ini akan membuktikan kepakaran ulama hadith dalam dua ilmu ini supaya dakwaan yang tidak berasas itu dapat dinilai semula.

PERBEZAAN ANTARA ULAMA HADĪTH DAN PERAWI BIASA

Perkara asas yang perlu diketahui oleh penuntut ilmu agama ialah terdapat perbezaan antara perawi hadith biasa dan ulama hadith. Bukan semua perawi hadith itu adalah ulama hadith yang merupakan ahli yang mahir dalam ilmu agama. Namun tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian dari jaguh hadith merupakan tokoh fiqh dan mempunyai mazhab fiqh sendiri. Kekeliruan dalam memahami hakikat ini mungkin menjadikan dakwaan yang mengatakan bahawa semua ulama Hadith tidak mahir fiqh dan usul al-fiqh. Nukilan di bawah membuktikan perkara ini:

I. Al-Khaṭīb al-Baghdādī menjelaskan:

من لم يرو عنه غير حديث أو حديثين ولم يعرف بمجالسة العلماء وكثرة الطلب، غير أنه ظاهر الصدق، مشهود بالعدالة قبل حديثه حرا كان أو عبداً، وكذلك إن لم يكن من أهل العلم بمعنى ما روى لم يكن بذلك مجروحاً؛ لأنه ليس يؤخذ عنه فقه الحديث، وإنما يؤخذ منه لفظه

Maksudnya: Sesiapa yang tidak diriwayatkan dari kecuai satu atau dua ḥadīth dan tidak diketahui bahawa dia melazimi ulama dan banyak menuntut ilmu, tetapi dia merupakan seorang yang terzahir sifat benarnya, dipersaksikan keadilannya (kredibilitinya) maka ḥadīthnya diterima sama ada dia merdeka atau hamba sahaya. Begitu juga jika dia bukan dari ahli ilmu terhadap makna apa yang dia riwayatkan dia tidak dikritik (ditolak riwayatnya) kerana tidak diambil darinya fiqh terhadap ḥadīth tetapi yang diambil hanya lafaz ḥadīth. (al-Khaṭīb al-Baghdādī, t.th)

Kalam al-Khaṭīb al-Baghdādī ini membuktikan bahawa terdapat perawi yang tidak mahir ilmu fiqh. Mereka hanya meriwayatkan ḥadīth semata-mata tanpa memahami maksud sebenarnya. Tetapi kalam al-Khaṭīb al-Baghdādī ini tidak boleh difahami secara borong bahawa semua ulama ḥadīth begitu. Ini kerana teks beliau jelas bahawa beliau sedang berbicara tentang sebahagian perawi yang meriwayatkan satu atau dua Ḥadīth sahaja. Sedangkan terdapat ulama ḥadīth yang meriwayatkan ḥadīth lebih dari itu. Buktinya, beliau sendiri meriwayatkan dari Sufyān bin ‘Uyaynah sebagai berkata:

يا أصحاب الحديث، تعلموا فقه الحديث، لا يقهركم أهل الرأي ما قال أبو حنيفة شيئاً إلا ونحن نروي فيه حديثاً أو حديثين.

Maksudnya: Wahai orang-orang (yang meriwayatkan) ḥadīth, belajarlah fiqh al-Ḥadīth, kamu tidak akan ditewaskan oleh Ahl al-Ra’y. Abū Ḥanīfah tidak berkata dalam sesuatu isu melainkan kita telah meriwayatkan pada isu itu satu atau dua ḥadīth. (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 2000).

Teks ini jelas membuktikan bahawa sebahagian ulama Ḥadīth sangat menitik beratkan tentang fiqh. Mereka tidak hanya berpada dengan banyaknya riwayat semata tetapi mereka menyeru supaya memahaminya.

II. Ibn Rajab al-Ḥanbalī pula menjelaskan lagi hal ini dengan berkata:

والشيوخ في اصطلاح أهل هذا العلم عبارة عن دون الأئمة والحفاظ، وقد يكون فيهم الثقة وغيره

Maksudnya: Dan lafaz al-Shuyūkh dalam istilah ulama ilmu ini (ilmu ḥadīth) ialah gambaran bagi mereka yang kedudukannya di bawah golongan imam-imam dan para ḥuffāz. Boleh jadi dalam kalangan mereka itu thiqah (dipercayai) dan boleh jadi tidak. (Ibn Rajab al-Ḥanbalī, 1987)

Oleh itu, adalah tidak adil untuk dibuat satu kesimpulan secara borong bahawa kesemua ulama ḥadīth itu tidak menguasai fiqh dan uṣūl al-fiqh. Sedangkan hakikatnya tidak begitu.

ULAMA FIQH DI SISI ULAMA ḤADĪTH

Penelitian terhadap biografi tokoh-tokoh ḥadīth silam di dalam kitab-kitab muktabar akan membuktikan bahawa ilmu fiqh tidak pernah diabaikan oleh mereka. Bahkan sebahagian mereka mempunyai kepakaran di dalam ilmu fiqh. Berikut adalah bukti kepakaran tokoh ḥadīth di dalam ilmu fiqh:

Ulama Ḥadīth Mempunyai Mazhab Sendiri

Antara bukti yang menunjukkan bahawa sebahagian ulama ḥadīth itu menguasai fiqh dan uṣūl al-fiqh dengan baik ialah sebahagian ulama ḥadīth mempunyai mazhab fiqhnya sendiri. Ini bukan sekadar mempunyai pandangan fiqh semata, bahkan ulama ḥadīth berjaya membina mazhab mereka sendiri dan berjaya mempunyai pengikut mereka sendiri. Amatlah pelik jika dikatakan ulama ḥadīth tidak mahir ilmu fiqh dan uṣūl al-fiqh tetapi mereka mampu membina mazhab fiqh mereka sendiri. Berikut merupakan nukilan yang menunjukkan sebahagian ulama ḥadīth mempunyai mazhab fiqh mereka sendiri:

- i. Imam al-Shāfi'ī menjelaskan perkara berikut ketika berbicara tentang al-Laith bin Sa'ad:

الليث أفته من مالك إلا أن أصحابه لم يقوموا به

Maksudnya: al-Laith lebih faqīh dari Mālik tetapi pengikutnya tidak mengambil berat tentangnya. (al-Qastallānī, 1905)

Al-Laith bin Sa'ad merupakan seorang tokoh ḥadīth. Bahkan beliau termasuk dalam senarai perawi Ṣahīh al-Bukhārī. (al-Kalābāzī, 1987) Kalam Imam al-Shāfi'ī ini membuktikan bahawa ulama ḥadīth semisal al-Laith juga mempunyai mazhab fiqh sendiri. Tetapi pengikut mazhab al-Laith bin Sa'ad tidak menulis mazhabnya dan tidak mengabadikan usul mazhab fiqhnya di dalam penulisan. Maka mazhab al-Laith tidak kekal sehingga ke zaman Imam al-Shāfi'ī.

- ii. Ibn Khuzaimah berkata ketika memberi komentar terhadap Ishāq bin Rahūyah:

والله لو كان إسحاق في التابعين، لأقروا له بحفظه وعلمه وفقهه

Maksudnya: Demi Allah, jika Ishāq dalam kalangan tābi'īn maka mereka akan mengakui (kemampuan) hafazannya, ilmunya dan fiqhnya. (al-Zahabi, 1985)

Kalam Ibn Khuzaimah ini jelas membuktikan bahawa Ishāq bin Rahūyah bukan hanya pakar dalam ilmu ḥadīth semata, tetapi kepakaran beliau juga mencakupi ilmu fiqh sehingga diiktiraf oleh ulama zamannya.

- iii. Ibn Rajab al-Ḥanbalī berkata:

وما حكيناه عن الثوري حكاة أصحابه عنه في كتبهم المصنفة على مذهبه

Maksudnya: Apa yang kita nukilkan dari pandangan al-Thaurī sebenarnya adalah apa yang dinukilkan oleh pengikutnya daripadanya dalam kitab-kitab yang ditulis menurut kaedah mazhabnya. (Ibn Rajab al-Ḥanbalī, 1996)

وكذلك نقل أصحاب سفيان مذهبه في تصانيفهم

Maksudnya: Begitulah juga pengikut Sufyān (al-Thaurī) menukilkan pandangan mazhabnya dalam kitab-kitab mereka. (Ibn Rajab al-Ḥanbalī, 1996)

Kalam Ibn Rajab al-Ḥanbalī ini membuktikan bahawa ulama ḥadīth bernama Sufyān al-Thaurī ini tidak hanya diiktiraf kepakarannya dalam ilmu ḥadīth dan periwayatan semata, sebaliknya beliau juga mempunyai mazhab fiqhnya sendiri, mempunyai pengikut dan juga kitab-kitab yang mengumpulkan pandangan mazhabnya.

PUJIAN TERHADAP ULAMA ḤADĪTH

Pujian ulama terhadap ulama ḥadīth juga menjadi petunjuk jelas bahawa ulama ḥadīth juga mahir ilmu fiqh dan uṣūl al-fiqh. Ini kerana ulama ḥadīth dipuji kerana jasa mereka memelihara keaslian agama. Adalah sesuatu yang ganjil jika pengawal yang mengawal keaslian agama dianggap sebagai orang tidak memahami agama. Tidak mungkin seseorang boleh membersihkan agama daripada penyelewengan sedangkan dia tidak faham agama yang sebenar.

Al-Khaṭīb al-Baghdādī berkata ketika tentang kedudukan ulama Ḥadīth dalam Islam:

وقد جعل الله تعالى أهله أركان الشريعة، وهدم بهم كل بدعة شنيعة، فهم أمناء الله من خليقته، والواسطة بين النبي صلى الله عليه وسلم وأُمَّته، والمجتهدون في حفظ ملته...

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah menjadikan ahlinya (ahli ḥadīth) rukun-rukun Syariah, Allah meruntuhkan dengan mereka (ahli ḥadīth) setiap bidaah yang buruk, merekalah pemegang amanah Allah dari kalangan makhluknya, dan mereka juga perantara antara Nabi s.a.w dan umatnya dan mujtahidin yang memelihara agamanya. (al-Khaṭīb al-Baghdādī, t.th)

Jika diamati teks al-Khaṭīb al-Baghdādī ini, dapat disimpulkan bahawa ahli ḥadīth iaitu ulama ḥadīth adalah rukun syariah yang mana syariah tertegak dengan kewujudan mereka. Mereka juga penjaga keaslian agama. Sehingga Sufyān al-Thaurī menegaskan :

الملائكة حراس السماء وأصحاب الحديث حراس الأرض

Maksudnya: Malaikat penjaga (wahyu) langit dan ahli ḥadīth menjaga (wahyu) bumi. (al-Khaṭīb al-Baghdādī, t.th)

Adakah logik penjaga wahyu dan benteng keaslian agama ini tidak mahir langsung ilmu fiqh dan uṣūl al-fiqh? Bukankah Nabi SAW menyatakan:

لا تزال طائفة من أمتي ظاهرين على الحق لا يضرهم من خذلهم حتى يأتي أمر الله وهم كذلك

Maksudnya: Sentiasa ada satu kumpulan dari umatku yang zahir berdiri di atas kebenaran yang mana mereka yang menyanggahi mereka sekali-kali tidak akan memudaratkan mereka sehingga datang perintah Allah. (Ṣaḥīḥ Muslim, no. Ḥadīth: 1920)

Imam Aḥmad dan Alī ibn al-Madīnī menyatakan golongan ini adalah ahli ḥadīth. (Ibn Ḥajar, t.th) Maka ahli ḥadīth adalah penjaga keaslian agama di bumi. Maka sudah pasti mereka memahami dengan baik ilmu fiqh dan Maqāṣid Syariah yang umum.

PENEKANAN ULAMA ḤADĪTH TERHADAP FIQH

Penekanan ulama ḥadīth terhadap ilmu fiqh juga merupakan petanda bahawa mereka mengambil berat tentang ilmu ini dan tidak mengabaikannya. Berikut merupakan bukti penekanan mereka terhadap ilmu fiqh:

Penekanan Terhadap Fiqh Dalam Ucapan Mereka

Ulama ḥadīth tidak hanya memberi penekanan terhadap periwatan ḥadīth dan ilmu ‘Ilal al-Ḥadīth dalam ucapan dan tindakan mereka. Bahkan mereka memberi penekanan terhadap fiqh ḥadīth kepada anak murid yang menuntut dengan mereka. Wakī‘ bin al-Jarrāḥ menegaskan berkali-kali kepada anak muridnya dengan berkata:

يا فتیان، تفهموا فقه الحديث فإنكم إن تفهمتم فقه الحديث لم يقهركم أهل الرأي

Maksudnya: Wahai anak muda, fahamilah fiqh ḥadīth. Sesungguhnya jika kamu memahami fiqh ḥadīth kamu tidak akan dikalahkan oleh Ahl al-Ra’y. (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1996)

Alī ibn al-Madīnī menegaskan:

التفقه في معاني الحديث نصف العلم ومعرفة الرجال نصف العلم

Maksudnya: Memahami makna ḥadīth separuh ilmu dan mengetahui perawi separuh ilmu. (al-Khaṭīb al-Baghdādī, t.th)

Menjadikan Ilmu Fiqh Sebahagian Daripada Ilmu Ḥadīth

Tidak cukup dengan sekadar memberi penegasan tentang kepentingan ilmu fiqh, tokoh-tokoh ḥadīth juga menjadikan fiqh ḥadīth adalah sebahagian daripada ilmu ḥadīth. Al-Ḥākim menyatakan kedudukan fiqh ḥadīth di sisinya dengan berkata:

معرفة فقه الحديث إذا هو ثمرة هذه العلوم وبه قوام الشريعة فأما فقهاء الاسلام أصحاب القياس والرأي والاستنباط والجدل والنظر فمعروفون في كل عصر وأهل كل بلد ونحن ذاكرون بمشيئة الله في هذا الموضوع فقه الحديث عن أهله ليستدل بذلك على أن أهل هذه الصنعة من تبحر فيها لا يجهل فقه الحديث إذا هو نوع من أنواع هذا العلم

Maksudnya: Fiqh ḥadīth ialah faedah bagi ilmu-ilmu ḥadīth. Dengannya tertegaknya syariat. Adapun fuqahā' Islam yang merupakan pakar Qiyās, pandangan, istinbāṭ perbincangan dan perbincangan telah dikenali pada setiap zaman dan oleh penduduk setiap negeri. Kami dengan kehendak Allah dalam kitab ini menyebutkan fiqh ḥadīth dari ahlinya supaya ia dapat dijadikan dalil bahawa ahli ilmu ini adalah mereka yang pakar dalam ilmu ḥadīth juga tidak jahil fiqh ḥadīth kerana ia adalah satu jenis dari jenis-jenis ilmu ḥadīth. (al-Ḥākim, 1977)

Tajuk Bab Dalam Kitab Ḥadīth

Antara bukti ulama ḥadīth mempunyai kemahiran dalam fiqh ialah tajuk-tajuk bab dalam kitab ḥadīth mereka. Antara ulama ḥadīth yang mempunyai kemahiran ini ialah Imam al-Bukhārī sehingga terkenal dalam kalangan penuntut ḥadīth bahawa fiqh al-Bukhārī berada pada tajuk-tajuk bab dalam sahihnya. Begitu juga al-Nasā'ī sehingga al-Ḥākim menyatakan:

فأما كلام أبي عبد الرحمن على فقه الحديث فأكثر من أن يذكر في هذا الموضوع ومن نظر في كتاب السنن له في تحيّر حسن كلام

Maksudnya: Adapun kalam Abū 'Abd al-Raḥmān (al-Nasā'ī) berkaitan fiqh ḥadīth terlalu banyak untuk disebutkan di sini dan sesiapa yang melihat sunan beliau akan berasa hairan kerana keindahan kalamnya. (al-Hakim, 1977)

Kitab-Kitab Yang Ditulis Oleh Ulama Ḥadīth

Ulama ḥadīth tidak hanya pandai meriwayatkan ḥadīth sahaja. Tetapi mereka juga menulis kitab-kitab yang mensyarahkan maksud yang terkandung dalam lafaz ḥadīth. Menulis syarah ḥadīth memerlukan kemahiran ilmu fiqh dan uṣūl al-fiqh. Ini kerana ḥadīth tidak boleh difahami dengan satu riwayat sahaja. Maka penelitian terhadap dalil-dalil lain juga perlu supaya pemahaman terhadap teks (matan) lebih tepat dan jitu. Antara bukti yang menunjukkan perkara ini ialah:

- i . Kitab Sharḥ al-Sunnah yang ditulis oleh al-Baghawī. Ṣiddīq Ḥasan Khān berkata:

والبغوي وكتابه شرح السنة كاف في فقه الحديث وتوجيه مشكلاته حتى كاد يحصل منه شرح المصايح والمشكاة كليهما

Maksudnya: Dan al-Baghawī beserta kitabnya Sharḥ al-Sunnah memadai untuk fiqh al-ḥadīth dan penjelasan terhadap kemusykilannya sehinggakan kitab ini seolah-olah menyamai dua-dua kitab iaitu syarah al-Maṣābīh dan kitab al-Mishkāh. (al-Qannūjī, 1985)

- ii. Kitab al-Tamhīd karya Ibn 'Abd al-Barr. Ibn Ḥazm al-Andalūsī berkata ketika mengulas tentang kitab al-Tamhīd:

إنه كتاب لا أعلم في الكلام على فقه الحديث مثله أصلاً، فكيف أحسن منه؟"

Maksudnya: Ia adalah kitab yang saya tidak ketahui ada kitab lain seumpamanya dalam membicarakan isu fiqh al-ḥadīth, bagaimana pula (ingin saya jumpai) kitab yang lebih baik darinya? (Ibn Ḥazm al-Andalūsī, 1987)

Ada juga dalam kalangan mereka yang mengambil berat tentang pandangan mazhab dalam kitab ḥadīth mereka. Antaranya ialah Sunan al-Tirmizī. Imam al-Tirmizī umpamanya sangat menitik beratkan tentang pandangan mazhab fiqh dalam sunan beliau. Ṣiddīq Ḥasan Khān memberi komentar terhadap Sunan al-Tirmizī:

ورابعهم أبو عيسى الترمذي وكان استحسن طريقة الشيخين حيث بينا وما أجمعا وطريقة أبي داود حيث جمع كل ما ذهب إليه ذاهب فجمع كلتا الطريقتين وزاد عليها بيان مذاهب الصحابة والتابعين وفقهاء الأمصار فجمع كتابا
جامعا

Maksudnya: Yang keempat (dari penulis kitab ḥadīth) ialah Abū Isā al-Tirmizī dan dia melihat baik metode al-Shaikhain (al-Bukhārī dan Muslim) ketika mereka menjelaskan dan menyamakan dan juga metode Abū Dawd ketika menjelaskan pandangan orang yang berpegang dengan ḥadīth, maka dia (al-Tirmizī) menghimpunkan kedua-dua metode ini dan menambah dengan penjelasan terhadap mazhab-mazhab Sahabat, Tābi‘īn dan Fuqahā’ serata negeri. Maka beliau mengumpulkan kitab yang merangkumi kesemuanya. (al-Qannūji, 1985)

Ulama Ḥadīth Merumuskan Kaedah Usul

Ulama ḥadīth juga berjaya merumus beberapa kaedah usul dalam kitab mereka. Ia juga bukti jelas yang menunjukkan kemahiran mereka dalam ilmu fiqh dan uṣūl al-fiqh. Berikut merupakan beberapa kaedah uṣūl al-fiqh yang ditegaskan oleh ulama ḥadīth:

- i. Tidak boleh berhujah melainkan dengan ḥadīth sahih
Kaedah ini merupakan antara yang sangat penting dalam ilmu uṣūl al-fiqh. Setiap faqih tidak boleh berhujah menggunakan ḥadīth yang tidak sahih. Imam Muslim menegaskan kaedah usul ini:

اعلم رحمك الله أن صناعة الحديث ومعرفة أسبابه من الصحيح والسقيم إنما هي لأهل الحديث خاصة
لأنهم الحفاظ لروايات الناس العارفين بما دون غيرهم إذ الأصل الذي يعتمدون لأدائهم السنن والآثار
المنقولة من عصر إلى عصر من لدن نبينا صلى هلالا عليه وسلم إلى عصران هذا

Maksudnya: Ketahuilah –moga Allah merahmati kamu sesungguhnya seni ḥadīth dan mengetahui sebabnya dari ḥadīth sahih dan tidak sahih sesungguhnya ia adalah bidang ahli ḥadīth semata kerana mereka adalah para ḥuffāz bagi riwayat manusia yang mengetahui tentangnya bukannya orang lain. Ini kerana asal (uṣūl) yang dipegang bagi agama mereka ialah Sunnah-Sunnah dan Athār yang dinukilkan dari zaman ke zaman dari Nabi s.a.w sehingga ke zaman kita ini. (Muslim bin al-Ḥajjāj, 1989)

Ibn Rajab al-Ḥanbalī pula menyatakan:

فأما الأئمة وفقهاء أهل الحديث فإنهم يتبعون الحديث الصحيح حيث كان

Maksudnya: Adapun imam-imam dan fuqaha ahli ḥadīth mereka mengikut ḥadīth ṣahīḥ walau apa keadaan. (Ibn Rajab al-Ḥanbalī, t.th)

- ii. Kelonggaran beramal dengan ḥadīth daif dalam Fadāil al-A‘māl.
Tidak sedikit ulama ḥadīth yang menyatakan kaedah penting ini. Ia merupakan kaedah yang berkaitan dengan hukum pengamalan sesebuah ḥadīth. Antara ulama ḥadīth yang menyatakan kaedah ini ialah ‘Abd al-Rahmān bin Mahdī, beliau menjelaskan:

إذا روينا في الثواب والعقاب وفضائل الأعمال تساهلنا في الأسانيد والرجال وإذا روينا في الحلال والحرام والأحكام تشددنا في الرجال

Maksudnya: Apabila kami meriwayatkan dalam bab pahala, balasan dan fadhilat amal kami longgarkan pada sanad dan perawi. Dan apabila kami meriwayatkan dalam bab halal, haram dan hukum-hakam maka kami ketatkan pada perawi. (al-Khaṭīb al-Baghdādī, t.th)

Kaedah ini bukan hanya disebut oleh Ibn Mahdi seorang sahaja bahkan ia juga disebut oleh ‘Abdullah bin al-Mubārak. (al-Suyūfī, t.th)

- iii. Memahami agama dengan kefahaman Salafuṣṣoleh
Ini juga kaedah usul yang penting dalam memahami teks agama. Akidah dan ibadah tidak boleh difahami dengan makna yang asing dari pemahaman salafuṣṣoleh. Ini kerana mereka adalah generasi terbaik bagi umat ini. Maka untuk memahami teks agama, perlu ditafsirkan al-Qur’ān dengan ḥadīth. Begitu juga ḥadīth mesti difahami dengan lembayung al-Qur’ān. Pemahaman golongan salafuṣṣoleh juga mesti diambil kira untuk memahami maksud sebenar teks agama. Ini seperti yang ditegaskan oleh Imam Mālik:

فما لم يكن يومئذ ديننا فلا يكون اليوم ديننا

Maksudnya: Apa yang tidak menjadi agama pada hari itu (salafuṣṣoleh) maka ia pada hari ini tidak jadi agama. (al-Shāṭibī, 1922)

Ibn Rajab al-Ḥanbalī berkata ketika menegaskan kaedah ini:

فالعلم النافع من هذه العلوم كلها ضبط نصوص الكتاب والسنة وفهم معانيها والتقيد في ذلك بالمأثور عن الصحابة والتابعين وتابعهم في معاني القرآن والحديث وفيما ورد عنهم من الكالم في مسائل الحلال والحرام والزهد والرفائق والمعارف وغير ذلك

Maksudnya: Ilmu yang bermanfaat dari ilmu-ilmu ini ialah memelihara nas al-Kitāb dan al-Sunnah serta memahaminya dan terikat dalam memahaminya dengan sesuatu yang diriwayatkan dari sahabat, tābī‘īn dan tābī‘ tābī‘īn pada makna al-Qur’ān, ḥadīth dan apa sahaja yang datang dari mereka tentang hukum halal, haram, zuhud, al-Raqāiq (pembersihan jiwa), pengetahuan dan selainnya. (Ibn Rajab al-Ḥanbalī, t.th)

Ulama Ḥadīth Menjadi Hakim Di Zamannya

Bukti terpenting yang menunjukkan ulama ḥadīth tidak semuanya jahil fiqh dan uṣūl al-fiqh ialah apabila mereka dilantik menjadi hakim mahkamah di zaman mereka. Setiap dari kita mengetahui bahawa jawatan hakim memerlukan ijtihad dalam masalah terkini yang diadukan ke mahkamah. Bagaimana mungkin seseorang dilantik menjadi hakim tanpa menguasai kedua-dua ilmu ini? Terlalu ramai ulama ḥadīth yang dilantik menjadi hakim di zaman mereka. Antara yang terkenal ialah al-Khalīlī, Ibn Ḥibbān yang menjadi hakim di Samarkand, Abū Zur‘ah al-Dimashqī yang menjadi hakim di Mesir dan Ibn al-Qaṭṭān al-Fāsī yang menjadi hakim di bandar Sijilmasah (alZahabi, 1985).

KESIMPULAN

Dengan penjelasan yang telah dinyatakan ini, maka analisis ini dapat membuktikan perkara berikut:

1. Perlu dibezakan di antara perawi ḥadīth dan ulama Ḥadīth. Bukan semua perawi ḥadīth diiktiraf ilmuwan di dalam ilmu agama Islam.
2. Ulama ḥadīth tidak mengabaikan ilmu fiqh dan uṣūl al-fiqh. Bahkan ada di antara mereka yang begitu menguasai ilmu ini dan mengambil berat tentangnya. Maka perbuatan kedudukan mereka di dalam ilmu uṣūl al-fiqh adalah suatu yang tidak wajar.
3. Sebahagian ulama ḥadīth mempunyai mazhab fiqh mereka sendiri. Ini menunjukkan kepakaran mereka di dalam ilmu fiqh dan uṣūl al-fiqh.
4. Ramai dalam kalangan ulama ḥadīth yang dilantik menjadi hakim di beberapa daerah dan negeri. Ini membuktikan bahawa ilmu mereka diiktiraf oleh pemerintah dan orang ramai pada zaman tersebut.

RUJUKAN

- Al-Ḥākīm, M.A. (1977). Maʿrifat ʿUlūm al-Ḥadīth. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Ḥazm. A.A. (1987). Risālah fī Faḍl al-Andalūs. Beirut: al-Muʿassasah al-ʿArabiyyah.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, A.A. (1987). Sharḥ ʿIlal al-Tirmizī. Al-Zarqāʿ: Maktabah al-Manār.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, A.A. (1996). Faṭḥ al-Bārī. Madinah: Maktabah al-Ghurabāʾ al-Athariyyah.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, A.A. (t.th). Faḍl ʿIlm al-Salaf ʿala ʿIlm al-Khalaf. Mesir: Dār al-Faqīh.
- Al-Kalābāzī, A.M. (1987). Rijāl Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, A.A. (2000). Al-Faqīh wa al-Mutafaqqih. Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, A.A. (t.th). al-Jāmiʿ li Akhlāq al-Rāwī. Beirut: Maktabah al-Maʿārif.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, A.A. (t.th). al-Kifāyah fī ʿIlm al-Riwāyah. Madinah: al-Madīnah al-ʿIlmiyyah.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, A.A. (t.th). Sharf Aṣḥāb al-Ḥadīth. Ankara: Dār Iḥyāʾ al-Sunnah al-Nabawiyyah.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. (1989). Al-Tamyīz. Arab Saudi: Maktabah al-Kauthar.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. (t.th). al-Ṣaḥīḥ. Beirut: Dār al-Jīl.
- Qannūjī, M.S. (1985). Al-Ḥiṭṭah fī al-Ṣiḥāḥ al-Sittah. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Qaṣṭallānī, A.M. (1905). Irshād al-Sārī. Mesir: al-Maṭbaʿah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- Al-Shāṭibī, I.M. (1992). Al-Iʿtiṣām. Arab Saudi: Dār Ibn ʿAffān.
- Al-Suyūṭī, A.A. (t.th). Tadrīb al-Rāwī. Al-Riyāḍ: Dār Ṭaibah.
- Al-Zahabī, M.A. (1985). Siyar Aʿlām al-Nubalāʾ. Beirut: Maktabah al-Risālah.